

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGKAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengenai perancangan Kementerian untuk pulihkan industri PKS pasca COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam usaha untuk membantu usahawan termasuk PKS yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 dengan melaksanakan program pembiayaan, latihan dan pembangunan kapasiti.

2. Pelan Pemulihan ini mengandungi **29 program jangka pendek dan sederhana di bawah enam (6) strategi** yang dijangka akan memanfaatkan lebih 20,000 penerima dan melibatkan **kos peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM 362.79 juta bagi pelaksanaan tahun 2020 dan 2021**. 6 strategi telah dirangka khusus bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan.

3. Objektif utama pelaksanaan Pelan Pemulihan ini adalah bagi memastikan pemulihan serta kelestarian operasi perniagaan usahawan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Tempoh masa pelaksanaan adalah selama 1 tahun dan terbahagi kepada 2 fasa seperti berikut:

Fasa 1: Mei hingga Disember 2020; dan

Fasa 2: Januari hingga Mei 2021.

4. Di antara program-program yang terlibat adalah Pembiayaan Covid Business Recovery-Micro (CBRM), Program TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS) dan Program TEKUN Mobilepreneur di bawah **TEKUN Nasional**; SME Technology Transformation Fund (STTF) dan Skim SME GO di bawah **SME Bank**; dan BR-CARES dan BizLady khusus untuk usahawan wanita di bawah **Bank Rakyat**.

Sekian,